



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 12 MAC 2024**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	RM7.8 MILLION SAVINGS FROM AGRO SALES, NATIONAL, THE SUN -2	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	SIASAT AKTIVITI TANGKAP IKAN GUNA BAHAN TERLARANG, LOKAL, HM -3	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	BEKALAN BERAS, SAYUR SEPANJANG RAMADHAN MENCUKUPI, NEGARA, KOSMO -16	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
4.	SEWA TANAH ORANG KAMPUNG TANAM PADI, NEGARA, KOSMO -16	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
5.	JUAL IKAN SELAYANG 50 SEN SEKILOGRAM SEMPENAN RAMADHAN, DALAM NEGERI, UM -33	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

## RM7.8 million savings from agro sales

**KENINGAU:** The Agro Madani Sales programme provided savings of RM7.87 million to the people since it was implemented from January to March 3, involving 16,242 local entrepreneurs in 1,227 locations nationwide this year.

Deputy Agriculture and Food Security Minister Datuk Arthur Joseph Kurup said last year, 5,608 Agro Madani sales programmes, offering prices of goods 10% to 30% cheaper than in the market, were implemented nationwide.

The programme involved 74,800 entrepreneurs and had a sales value of RM93.7 million.

He said last year, the Sabah Federal Agricultural Marketing Authority had organised 367 Agro Madani sales statewide, with a total sales value of RM5.2 million and involving a total of 3,990 entrepreneurs. – Bernama

## Siasat aktiviti tangkapan ikan guna bahan terlarang

**Kuala Lumpur:** Jabatan Perikanan akan menjangkakan siasatan bertubung video tular mengenai aktiviti tangkapan ikan dipercayai ada unsur mencurigakan dan didakwa melanggar undang-undang apabila menggunakan bahan terlarang seperti di media sosial sejak kelmarin.

Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia Darul Adnan Hussain berkata, pihaknya memandangkan siasatan itu dan akan mendapatkan maklumat sah berkaitan aktiviti itu serta lokasinya supaya tindakan sewajarnya dapat diambil.

"Perkara itu amat mendukacitakan kerana ada pihak rakus yang mengeksploitasi sumber perikanan tanpa kawalan dan menggunakan kaedah yang tidak sepatutnya (jika ia benar berlaku dan melanggar peraturan ditetapkan).  
"Kita memandang serius

perkara itu walaupun tiada maklumat jelas bertubung kepada tangkapan, lokasi dan bila kejadian berlaku. Kita sedang memulakan siasatan bersesuaian bertubung perkara ini, katanya ketika dihubungi Harian Metro semalam.

Sementara itu, Persatuan Haiwan Malaysia meminta pihak berkaitan menjalankan siasatan mengenai perkongsian video aktiviti tangkapan ikan dipercayai ada unsur mencurigakan dan melanggar undang-undang menggunakan bahan terlarang.

Dalam kenyataannya di Facebook (FB), persatuan berkenaan juga mengesahkan individu dalam video itu juga perlu tampil untuk memberi penjelasan sama ada betul atau tidak dakwaan dalam beberapa halaman media sosial mengenai tangkapan ikan dilakukan terdapat unsur mencurigakan dan secara melanggar undang-undang menggunakan bahan terlarang.



**HASIL** tangkapan sekumpulan individu yang dipercayai ada unsur mencurigakan dan didakwa melanggar undang-undang apabila menggunakan bahan terlarang.

## Bekalan beras, sayur sepanjang Ramadan mencukupi

**KANGAR** - Bekalan beras putih tempatan (BPT) dan sayur-sayuran yang dibekalkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di negeri ini dijangka mencukupi sepanjang bulan Ramadan.

Pengarah FAMA Perlis, Mohd. Anzara Azizan berkata, bekalan BPT dijangka mendapat permintaan tinggi berikutan banyak

agensi menganjurkan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) pada bulan puasa.

"Bekalan BPT yang kita terima adalah sebanyak 3,000 kampil pada setiap minggu, namun dalam kes tertentu seperti Jualan Agro Madani pada Pesta Anjan Timur 2024 lalu, kita berjaya mendapat sehingga 5,000 kampil seminggu.

"FAMA negeri akan melihat corak permintaan pengguna, sekiranya dapat sambutan menggalakkan, kita akan cuba tambah pesanan daripada ibu pejabat," katanya ketika ditemui semasa Jualan Agro Madani di pekan-ran FAMA di sini semalam.

Dalam pada itu, menventuh mengenai bekalan sayur, Mohd. Anzara memaklumkan bahawa,

bekalan berkenaan juga mencukupi sepanjang Ramadan berdasarkan laporan risikan pasaran walaupun berlaku sedikit peningkatan harga.

"Sayur dari sumber tanah tinggi seperti daun sup mencatatkan peningkatan harga antara RM13 hingga RM14 sekilogram berbanding RM12 sebelum ini," ujarnya.

Jelasnya, kenaikan dalam julat

itu adalah normal jika dibandingkan dengan kadar penggunaannya oleh isi rumah dan FAMA akan terus memantau situasi tersebut.

Tambahnya, keadaan cuaca pada masa ini tidak memberi kesan kepada kenaikan harga drastik atau impak lain terhadap bekalan sayur di pasaran tempatan.

Inisiatif program Smart Sawah Berskala Besar Asnaf

## Sewa tanah orang kampung tanam padi

Oleh NORLIA RAMLI

**SIK** – Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dengan kerjasama Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dan Pejabat Pertanian Daerah mengambil inisiatif menyewa tanah-tanah terbiar milik orang kampung untuk menjalankan program Smart Sawah Berskala Besar Asnaf (SBBA).

Ketua Pegawai Eksekutif LZNK, Datuk Syeikh Zakaria Othman berkata, projek rintis melibatkan tanah seluas 12 hektar di Kampung Chepir di sini, telah diusahakan peserta daripada golongan asnaf sejak empat bulan lalu.

"Kali ini kita luaskan inisiatif di luar dari tanah milik LZNK dengan mengambil alih tanah-tanah terbiar, bayar sewa kepada tuan tanah dan kita masukkan

asnaf untuk usahakan SBBA. Semua hasilnya adalah milik asnaf sepenuhnya.

"Inisiatif pengambilan tanah terbiar adalah satu usaha untuk mengelakkan daripada tanah itu dipajak oleh orang kampung kepada pihak ketiga," katanya ketika ditemui pada program Perasmian Mesin Beras di Masjid As Salam, Kampung Chepir semalam.

Menurutnya, menerusi projek itu, Nafas akan menyediakan baja dengan formula baharu sementara pihak LZNK akan menyediakan modal persiapan tapak dan sebagainya.

Jelas beliau, Nafas melalui anak syarikatnya, Malaysian NPK Fertilizer Sdn. Bhd. (MNFBSB) dengan menggunakan kepakaran dalam penghasilan baja padi kepada Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) dan Skim

Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) telah menyediakan beberapa input khas Nafas dalam projek tersebut.

"Kita sedang menunggu hasil jualan ini dan daripada apa yang nampak dijangkakan hasilnya agak luar biasa walaupun ini kali pertama kita mengusahakan sawah padi di kawasan terbiar ini," ujarnya.

Dalam pada itu, kata beliau, pihaknya akan menempatkan lebih banyak mesin beras sebagai kemudahan kepada penduduk untuk menghasilkan beras daripada padi yang dituai untuk kegunaan sendiri.

Tambahnya, sehingga kini, dua unit mesin beras telah ditempatkan di Masjid Batu 16, Padang Lumat, dekat Yan dan di Masjid Chepir dalam usaha membantu meringankan kos hidup masyarakat setempat.



ZAKARIA (kiri) menunjukkan beras yang siap diproses melalui mesin beras yang ditempatkan di Masjid As Salam, Kampung Chepir, Sik semalam.

12/3/2024

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

33

# Jual ikan selayang 50 sen sekilogram sempena Ramadan

Oleh TOREKSULONG  
utusannews@mediamulla.com.my

**PASIR PUTEH:** Seorang peniaga menjual ikan selayang segar pada harga 50 sen sekilogram (kg) sempena Ramadan di Cherang Ruku di sini semalam.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati jualan ikan segar itu 'licin' dalam tempoh dua jam selepas diserbu oleh penduduk setempat.

Abdul Hayie Zakaria, 34, berkata, berkata jualan tersebut diadakan selama tiga hari sehingga Rabu ini bertujuan meringankan beban golongan berpendapatan rendah untuk menyambut Ramadan.

Menurutnya, ini merupakan satu daripada bentuk perkongsian rezeki kepada golongan berkenaan.

"Setiap pelanggan hanya boleh membeli enam kilogram sahaja. Saya terpaksa berbuat demikian kerana mahu lebih ramai dapat membeli bahan mentah segar itu pada harga murah.

"Semua ikan-ikan ini diambil dari Tok Bali dan dijual secara terus kepada pelanggan. Besar harapan saya agar ia dapat



**Besar harapan saya agar ia dapat memberikan kegembiraan kepada golongan berpendapatan rendah untuk menyambut Ramadan."**

**HAYIE ZAKARIA**

memberikan kegembiraan kepada golongan berpendapatan rendah untuk menyambut Ramadan," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Abdul Hayie memberitahu, para pekerjaanya sudah membuat persiapan bagi memastikan proses jualan ikan itu berjalan lancar.

Katanya, selain selayang dia turut menjual ikan tongkol, sotong, udang dan lain-lain pada harga mampu milik.



**ABDUL HAYIE ZAKARIA (kanan)** melayan pembeli ikan harga lelong di Cherang Ruku, Pasir Puteh, Kelantan, semalam. - UTUSAN/TOREK SULONG